



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

**KENYATAAN MEDIA**

**KAJIAN WAKTU BEKERJA EMPAT HARI SEMINGGU**

---

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengambil maklum akan pandangan CUEPACS dan pelbagai pihak berhubung cadangan waktu bekerja empat hari seminggu yang telah disiarkan melalui media baru-baru ini. JPA ingin menegaskan bahawa cadangan waktu bekerja empat hari seminggu adalah di peringkat **penelitian dan kajian sahaja**.
2. JPA sentiasa terbuka untuk mendapatkan input menyeluruh daripada pihak berkepentingan bagi mengkaji secara empirikal kebolehlaksanaan cadangan ini. Walaupun beberapa buah negara kini sedang melaksanakan waktu bekerja empat hari seminggu secara percubaan, namun JPA berpandangan bahawa pendekatan ini hendaklah dilihat secara holistik terutamanya dari segi kesesuaian serta keberkesanan terhadap struktur perkhidmatan awam di negara ini. JPA juga amat cakna akan kesan dan impak pelaksanaan sebarang dasar baharu terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam khususnya ketika Kerajaan dalam proses merancakkan semula ekonomi negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.
3. JPA juga sentiasa mengkaji pelbagai aspek dari segi kemudahan, kemajuan kerjaya dan penambahbaikan proses kerja yang menjurus ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam berpaksikan rakyat.

**Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**  
5 Julai 2022

###

Tel : 03 - 8885 3096 / 3088 / 3146  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (35)